



17 Mei 2017  
17 May 2017  
P.U. (A) 139

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMBERADANAN) (PENGECUALIAN) 2017

### *MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) (EXEMPTION) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973**

**PERINTAH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN)  
(PENGECUALIAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30E Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pengecualian) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2017.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan—

(a) pengeksport daripada peruntukan tentang pendaftaran di bawah Akta, seksyen 18A dan 20 Akta; dan

(b) pembekal dan pengendali jeti daripada peruntukan tentang pendaftaran di bawah Akta dan seksyen 20 Akta;

bagi aktiviti pengeksport, pembekal dan pengendali jeti itu di bawah Akta yang berkaitan dengan kayu yang berasal daripada Negeri Sabah atau keluaran kayu yang dibuat di Negeri Sabah.

(2) Menteri mengecualikan pengimport daripada peruntukan tentang pendaftaran di bawah Akta dan seksyen 18A Akta bagi aktiviti pengimport itu di bawah Akta yang dijalankan di Negeri Sabah.